



LAPORAN TAHUNAN

**Unit Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan
HCTM**



2023

ISI

KANDUNGAN

- | | |
|-----------|---|
| 01 | Pendahuluan |
| 02 | Visi & Misi |
| 03 | Carta Organisasi |
| 04 | Pencapaian Perkhidmatan 2023 |
| 05 | Pelaporan NADOPOD 2023 |
| 06 | Pemeriksaan & Penggredan Makanan |
| 07 | Pelupusan Buangan Terjadual |
| 08 | Pelaporan Jawatankuasa Keselamatan & Persekitaran (JKP) HCTM |
| 09 | Pemeriksaan Keselamatan & Kesihatan Tempat Kerja (PKKTK) |
| 10 | Klinik Kesihatan Pekerjaan HCTM |
| 11 | Galeri 2023 |

0 1

PENDAHULUAN

U K K P

PENDAHULUAN

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) merupakan salah satu unit yang ditubuhkan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) selaras dengan arahan pematuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Seksyen 30). UKKP berfungsi sebagai organisasi yang bertanggungjawab merangka polisi dan dasar, memantau, memeriksa, menyiasat dan memberikan cadangan penambahbaikan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan kakitangan dan individu di dalam premis HCTM.

Sepanjang tahun 2023, UKKP telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi menyokong sistem keselamatan dan kesihatan kakitangan serta pelanggan HCTM. Antara program major yang dijalankan adalah Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2023 (MKKP 2023). Terdapat pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang MKKP berlangsung dimana UKKP telah mendapat kerjasama dan komitmen yang tinggi dari pelbagai jabatan di HCTM.

2023 juga merupakan tahun penghijrahan pejabat UKKP ke lokasi baru yang lebih besar dan kondusif, sesuai dengan operasi perkhidmatan yang semakin berkembang. Pejabat UKKP yang baharu ini masih terletak di Aras G, Bangunan Asrama Jururawat, iaitu di lokasi asal Unit Audit Dalam. Premis baru UKKP ini dilengkapi dengan pelbagai fasiliti pejabat yang lebih baik seperti 5 buah bilik pegawai, 4 buah ruang kubikal pejabat, sebuah bilik mesyuarat, pantri, tandas lelaki dan tandas perempuan serta sebuah bilik yang dikhaskan sebagai Klinik Kesihatan Pekerjaan HCTM sementara. Perpindahan ini secara tidak langsung telah memberi kesan yang positif kepada kakitangan UKKP khasnya dimana pelbagai aktiviti dan operasi perkhidmatan dapat dilaksanakan dalam keadaan yang lebih selesa berbanding pejabat lama UKKP.

Sejajar dengan penghijrahan UKKP ke lokasi yang baru, seksyen Kesihatan UKKP telah mengembangkan perkhidmatannya dengan lebih efisien melalui penubuhan Klinik Kesihatan Pekerjaan HCTM. Mulai 1 November 2023, Klinik Kesihatan Pekerjaan telah mengambil alih beberapa perkhidmatan yang sebelum ini diterajui oleh Unit Kawalan Infeksi (UKI). Antara perkhidmatan yang ditelah dipindahkan ke Klinik Kesihatan Pekerjaan adalah seperti program vaksinasi kakitangan, pengurusan dan pengendalian kes kecederaan tajam & pendedahan mukosa warga HCTM, pengurusan kontak penyakit Tuberkulosis dalam kalangan kakitangan dan pelajar serta program penyaringan dan kaunseling virus bawaan darah kepada Pegawai Perubatan Siswazah baru.

Secara keseluruhannya, UKKP telah menunjukkan komitmen yang tinggi sepanjang tahun 2023 dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di HCTM sentiasa terpelihara demi kesejahteraan warganya.

0 2

VISI & MISI

U K K P

VISI

Ke arah warga serta pelanggan
HCTM yang sihat, selamat dan
produktif

Bagi mencapai visi di atas, UKKP
beriltizam:

- Memastikan pematuhan kepada perundangan berkaitan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan oleh warga HCTM
- Membangun dan menguasai dasar dan tataamalan yang menjurus kepada keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan yang baik
- Menggalakkan penglibatan seluruh warga HCTM dalam menjamin keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan


MISI

0 3

CARTA ORGANISASI

U K K P

CARTA ORGANISASI UKKP



0 4

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN 2023

U K K P

STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN 2022-2023

2022

3 kali

13

82

0

217

1

RM34360.00

5.42 Metrik Tan

Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa
Keselamatan dan Persekitaran (JKP)

Kes kemalangan pekerjaan
yang dilaporkan ke UKKP

Kes kecederaan tajam yang
dilaporkan ke UKKP

Kes penyakit tuberkulosis
yang dilaporkan ke UKKP

Kes COVID-19 yang
dilaporkan ke UKKP

Kes kejadian berbahaya yang
dilaporkan ke UKKP

Kos kerja-kerja pelupusan buangan
terjadual (sisa kimia)

Berat buangan terjadual (sisa
kimia) yang dilupuskan

2023

3 kali

8

64

6

277

1

RM41664.00

8.427 Metrik Tan

0 5

PELAPORAN NADOPOD 2023

U K K P


5 . 1

KEMALANGAN PEKERJAAN & KEJADIAN BERBAHAYA

W A N I R F A N I W A N M A H Y U D D I N

KEJADIAN KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA DAN TINDAKAN AGRESIF HCTM YANG DILAPORKAN PADA TAHUN 2023

Sebanyak 11 kes telah direkodkan sebagai kes kemalangan pekerjaan, kejadian berbahaya dan tindakan agresif yang dilaporkan di HCTM. Daripada analisis yang dibuat, kes kemalangan jatuh merekodkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 6 kes. Diikuti dengan 2 kes melibatkan tindakan agresif pesakit terhadap kakitangan. Manakala kes tersepit antara objek, terkena objek dan kerosakan peralatan masing-masing merekodkan bilangan sebanyak 1 kes.



Jadual 1 : Statitik Kemalangan Pekerjaan, Kejadian Berbahaya dan Tindakan Agresif yang dilaporkan di HCTM Tahun 2023

Secara keseluruhannya didapati bahawa sebanyak 3 kes kemalangan pekerjaan yang melibatkan kecederaan serius dan telah dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) melalui Borang JKKP6. Selain itu, berdasarkan notifikasi yang diterima, UKKP telah menjalankan siasatan dan memberi laporan maklum balas kepada jabatan terlibat untuk tindakan penambahbaikan dan langkah intervensi yang sewajarnya. Siasatan kemalangan dan penilaian keselamatan tempat kerja dilakukan dengan mengenaspasti analisa punca masalah dan cadangan penambahbaikan yang dicadangkan adalah berpandukan kepada hirarki kawalan.

Daripada maklumat yang direkodkan didapati bahawa 91% kes yang dilaporkan diuruskan dalam tempoh 7 hari dinotifikasi diterima. Walau bagaimanapun, terdapat 1 kes tidak dapat diuruskan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu siasatan kemalangan dilakukan setelah hari ke 8 notifikasi diterima. Semua kes telah diuruskan dan maklumbalas diberikan kepada pelapor



ANALISA STATISTIK KEMALANGAN PEKERJAAN, KEJADIAN BERBAHAYA DAN TINDAKAN AGRESIF DI HCTM BAGI TEMPOH JANUARI – NOVEMBER 2023

Analisa data memaparkan statistik kemalangan yang diperincikan berdasarkan kategori kes yang dilaporkan iaitu kemalangan di tempat kerja, kejadian berbahaya, dan tindakan agresif mengikut suku tahun.

Pada tahun 2023, statistik suku tahunan bagi bilangan kemalangan pekerjaan merekodkan sebanyak 3 kes pada suku tahunan pertama, diikuti dengan 1 kes pada suku tahunan kedua dan 4 kes pada suku tahunan keempat. Manakala tiada kes direkodkan pada suku tahunan ketiga.

Bagi tindakan agresif, analisa mendapati sebanyak 1 kes tindakan agresif berlaku pada kedua-dua suku tahunan pertama dan suku tahunan ketiga. Kedua-dua kes melibatkan kakitangan di barisan hadapan. Kategori kes kejadian berbahaya merekodkan hanya 1 kes iaitu pada suku tahunan ketiga. Secara keseluruhannya, jumlah kes kemalangan pekerjaan, tindakan agresif dan kejadian berbahaya yang dilaporkan pada tahun 2023 adalah sebanyak 11 kes.

<u>Kategori Kejadian</u>	<u>Q1</u>	<u>Q2</u>	<u>Q3</u>	<u>Q4</u>	<u>Jumlah</u>
<u>Kemalangan Pekerjaan</u>	3	1	0	4	8
<u>Tindakan Agresif</u>	1	0	1	0	2
<u>Kejadian Berbahaya</u>	0	0	1	0	1
<u>Jumlah</u>	4	1	2	4	11

Jadual 2 : Bilangan kes yang dilaporkan di HCTM berdasarkan kategori kejadian mengikut suku tahun 2023

Statistik kemalangan pekerjaan, tindakan agresif dan kejadian berbahaya berdasarkan latar belakang demografi menunjukkan sebahagian besar melibatkan kakitangan perempuan. Sebanyak 2 kes melibatkan komposisi kakitangan berusia 21-30 tahun. Manakala bagi umur 31-40 tahun seramai 2 kes direkodkan. Bagi kakitangan berumur 41-50 pula 3 kes dicatatkan. Selain itu, 2 kes adalah melibatkan kakitangan berumur di bawah umur 51-60 tahun

<u>Kategori Kejadian</u>	<u><21 tahun</u>		<u>21-30 tahun</u>		<u>31-40 tahun</u>		<u>41-50 tahun</u>		<u>51-60 tahun</u>		<u>Jumlah</u>	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
<u>Kemalangan Pekerjaan</u>	0	0	0	0	1	2	0	2	1	1	2	5
<u>Tindakan Agresif</u>	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	2	0
<u>Kejadian Berbahaya</u>	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1
<u>Jumlah</u>	0	0	0	2	1	2	1	2	1	1	4	6
	0		2		3		3		2		10	

Jadual 3 : Bilangan kes kemalangan pekerjaan dan kekerasan yang dilaporkan di HCTM mengikut kumpulan umur dan jantina tahun 2023

Berdasarkan pemerhatian terhadap jenis kejadian, majoriti kes kemalangan pekerjaan adalah melibatkan kes jatuh iaitu sebanyak 7 (41.18%) kes. Diikuti dengan 3 (17.65%) kes kemalangan lain yang tidak tersenarai serta 2 (11.76%) kes melibatkan kekerasan. Manakala kes kemalangan terendah adalah masing-masing akibat terpijak/ tersadung objek (1 kes), sentuhan/ dedahan bahan berbahaya (kimia/biologi/bahan radioaktif) (1 kes), terkena peralatan tajam (1 kes), terkena objek jatuh (1 kes) dan kemalangan nyaris (1 kes).

JENIS	n	%
Jatuh	6	54.55
Tindakan Agresif	2	18.18
Tersepit Antara Objek	1	9.09
Terkena Objek / Objek Jatuh	1	9.09
Kerosakan Peralatan	1	9.09
JUMLAH	11	100

Jadual 4 : Bilangan kes yang dilaporkan di HCTM mengikut jenis kejadian tahun 2023

Berdasarkan analisa yang dibuat, kes yang melibatkan agen penyebab persekitaran merekodkan jumlah sebanyak 5 (45.45%), manakala kes yang berpunca daripada agen penyebab peralatan adalah sebanyak 3 (27.27%). Seterusnya agen penyebab melibatkan proses kerja adalah sebanyak 2 (18.18%) dan hanya 1 (9.09%) adalah disebabkan oleh lain-lain.

AGEN	n	%
Persekitaran	5	45.45
Peralatan	3	27.27
Proses Kerja	2	18.18
Lain-lain	1	9.09
JUMLAH	11	100

Jadual 5 : Bilangan kes yang dilaporkan di HCTM mengikut agen penyebab tahun 2023


5 . 2

KECEDERAAN TAJAM


D R . N O R A A I N I R A M L Y

ANALISA KES KECEDERAAN TAJAM (*NEEDLESTICK INJURY*, NSI) 2023


Berikut merupakan graf-graf analisa kes kecederaan tajam di kalangan kakitangan HCTM, pelajar dan vendor HCTM pada tahun 2023, mengikut pekerjaan, lokasi, jenis peralatan tajam atau percikan, dan bagaimana ia terjadi.




Gambarajah 1: Graf Kes NSI mengikut pekerjaan




Gambarajah 2: Graf Kes NSI mengikut lokasi



Gambarajah 3: Graf Kes NSI mengikut jenis peralatan tajam



Gambarajah 4: Graf Kes NSI mengikut cara ia terjadi



AKTIVITI - AKTIVITI NSI 2023



**Do not
touch the
needle**

Beberapa aktiviti yang bertujuan untuk menurunkan kes kecederaan tajam telah dilakukan pada tahun 2023. Terdapat sedikit kelainan kepada aktiviti tahun 2023 di mana ia juga memberi focus kepada pencegahan tertiri. Pada tahun-tahun sebelum ini, pencegahan primer dan sekunder telah diberikan tekanan. Pihak UKKP telah memanggil mangsa-mangsa kecederaan tajam untuk diberikan latihan praktikal pengambilan darah dan ceramah tentang kecederaan tajam di Malaysia dan secara global pada bulan Jun 2023. Sesi perbincangan juga telah dilakukan untuk menyelami masalah yang dihadapi di tempat kerja yang boleh menyumbang terhadap kecederaan tajam pada bulan November 2023.


Lawatan audit kecederaan tajam juga telah dilakukan sebanyak 2 kali pada bulan Julai dan Oktober, ke wad-wad surgery dan ke Jabatan Perubatan Kecemasan HCTM, iaitu di kawasan-kawasan yang mencatatkan kes paling tinggi. Ceramah tentang kecederaan tajam juga telah diberikan kepada setiap kohort pengambilan baru Pegawai Perubatan Siswazah, kerana kumpulan pekerjaan ini yang paling terdedah dengan risiko kecederaan tajam. Wakil UKKP juga telah dipilih untuk menjadi ahli Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi dan Penilaian Teknikal untuk pemilihan jarum yang mematuhi spek keselamatan.

Semenjak pembukaan Klinik Kesihatan Pekerjaan pada 1 November 2023, UKKP telah mengambil alih tugas mengurus sepenuhnya kes kecederaan tajam di HCTM.





**JUN
2023**
Aktiviti
Pencegahan
Tertiari



**NOVEMBER
2023**
Aktiviti Pencegahan
Tertiari





**Aktiviti lawatan
audit kecederaan
tajam ke Wad-
Wad Operasi dan
Jabatan
Perubatan
Kecemasan**



5 . 3


PENYAKIT PEKERJAAN

U K K P

5 . 3 . 1

PENYAKIT PEKERJAAN- TUBERKULOSIS

D R . N U R M A S I T A H M O H A M A D N A Z R I



Data Kes Jangkitan Tuberkulosis Kakitangan HCTM




Graf menunjukkan statistik kes Tuberkulosis kakitangan HCTM tahun 2019 sehingga 2023. Taburan kes adalah menurun bermula tahun 2019 sehingga 2022. Namun terdapat kenaikan kes pada tahun 2023 iaitu sebanyak 6 kes.

PENYAKIT PEKERJAAN TUBERKULOSIS DALAM KALANGAN KAKITANGAN HCTM 2023

Pada tahun 2023, bermula Januari sehingga Disember sebanyak 6 kes penyakit pekerjaan Tuberkulosis dilaporkan dalam kalangan kakitangan HCTM. Berdasarkan penyiasatan, 2 kes didapati faktor penyumbang kepada jangkitan adalah pekerjaan, manakala 4 kes bukan berpunca daripada pendedahan pekerjaan.

DATA DEMOGRAFIK



Lokasi Kerja	Bil (orang)
Jabatan Kecemasan	2
Jabatan Perubatan	1
NICU	1
Bahagian Keselamatan	1
Khidmat Pelanggan	1

Jantina



Jawatan	Bilangan (Orang)
Pegawai Perubatan	2
Sokongan Klinikal	2
Penolong Pegawai Perubatan	1
Jururawat	1

Statistik saringan kontak kes Tuberkulosis dalam kalangan kakitangan HCTM tahun 2023:

Jabatan	Jumlah disaring (orang)	Ujian Mantoux		Berpunca dari pekerjaan
		Positif	Negatif	
Jabatan Kecemasan (kes 1)	67	10	57	Ya
Jabatan Kecemasan(kes 2)	23	9	14	Tidak
Jabatan Perubatan	16	1	15	Tidak
NICU	6	0	6	Ya
Bahagian Keselamatan	11	1	10	Tidak
Khidmat Pelanggan	14	3	11	Tidak

Kesimpulan:

Langkah pencegahan dan kawalan penyakit Tuberkulosis perlu diteruskan bagi mencapai matlamat hasrat Malaysia bebas tibi menjelang tahun 2035. Selain daripada itu, langkah - langkah yang diambil adalah penting kerana penyakit ini adalah penyakit yang dapat dielakkan daripada berlaku semasa berada di lokasi pekerjaan terutama sekali pekerja di fasiliti kesihatan. Maka, usaha pencegahan haruslah lebih memfokus kepada kumpulan kategori pekerja yang berisiko tinggi agar impak langkah kawalan yang diambil berhasil.

5 . 3 . 2

PENYAKIT PEKERJAAN - COVID-19

D R . N O R A A I N I R A M L Y

JANGKITAN COVID -19 DALAM KALANGAN KAKITANGAN HCTM 2023

Jenis Pendedahan	Bilangan					Peratus (%) Mengikut Jenis Pendedahan
	Q1	Q2	Q3	Q4	Jumlah	
Kontak dengan Pesakit	1	1	1	3	6	2.17
Kontak dengan Rakan Sekerja	0	2	0	12	14	5.05
Komuniti	11	18	1	71	101	36.46
Tidak Diketahui Punca	35	31	6	84	156	56.32
JUMLAH	47	52	8	170	277	100

Sebanyak 277 kes jangkitan COVID-19 telah dilaporkan oleh kakitangan HCTM kepada UKKP sepanjang tahun 2023. Seramai 224 orang merupakan kakitangan klinikal (80.87%), manakala 53 orang adalah terdiri daripada kakitangan bukan klinikal (19.13%). Seramai 5 orang kakitangan (1.81%) telah dirawat di dalam wad, seorang (0.36%) di pusat kuarantin, manakala selebihnya (97.83%) telah menjalankan kuarantin di rumah. Suku keempat tahun 2023 telah mencatatkan kes tertinggi iaitu sebanyak 170 kes selari dengan penularan kembali jangkitan COVID-19 di Malaysia pada bulan November hingga Disember 2023. T.

Tiada kes kluster di kalangan kakitangan yang dilaporkan ke UKKP sepanjang tahun 2023

Jadual di atas menunjukkan kes-kes jangkitan COVID-19 di kalangan kakitangan HCTM mengikut jenis pendedahan pada setiap suku tahun (Q). Kesemua kes yang berpunca daripada pekerjaan iaitu kontak dengan pesakit telah dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH) secara elektronik melalui eJKKP7.

0 6

PEMERIKSAAN &
PENGGRADAN PREMIS
MAKANAN

M U H A M M A D S H A R I F M A T
J A M A L

PEMERIKSAAN DAN PENGREDAN PREMIS MAKANAN DI HCTM

Disepanjang 2023, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan. Pertama, pemeriksaan dan pengredan premis makanan yang dilakukan sebanyak 4 kali setahun.

Arahan penambahbaikan diberikan mengikut keadaan ketika pemeriksaan dijalankan. Aktiviti pemeriksaan dibantu oleh Jawatankuasa Pemantauan Keselamatan Dan Kualiti Makanan HCTM.

SEBAGAI SEORANG PEGAWAI DIBERI KUASA YANG DILANTIK OLEH MENTERI MENURUT SUBSEKSYEN 3(2) AKTA MAKANAN 1983, PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI MELAKUKAN PEMERIKSAAN PADA PREMIS MAKANAN DAN PERKARA BERKAITAN AKTA MAKANAN 1983.



Pengredan premis akan diberikan pada awal tahun, mana-mana premis yang beroperasi dengan kualiti dan kebersihan yang terbaik akan dipertimbangkan untuk penukaran gred yang lebih baik dan sebaliknya bagi premis yang kurang bersih dan kurang memuaskan.

Kerjasama turut dilakukan dengan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Cheras bagi koordinasi pemeriksaan premis makanan di HCTM.

Disamping itu, pemantauan ke atas mesin jual makanan dan minuman di HCTM turut dijalankan.

Kebersihan dan keselamatan makanan menjadi perkara utama bagi aktiviti ini.

**Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
sedang memberikan cadangan
penambahbaikan premis makanan kepada
wakil premis**



**Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
sedang melihat sistem pengoperasian
mesin jual makanan**



**Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar DBKL
membuat pemeriksaan di Dapur Utama,
Jabatan Perkhidmatan Dietetik dan Sajian
Makanan**




**Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar DBKL
membuat pemeriksaan di Dapur Utama,
Jabatan Perkhidmatan Dietetik dan Sajian
Makanan**




Penggredan Kebersihan Premis Makanan Di HCTM Tahun 2023


Bil.	Nama Premis	Pemeriksaan Suku Pertama 2023 (Januari - Mac)		Pemeriksaan Suku Kedua 2023 (April-Jun)		Pemeriksaan Suku Ketiga 2023 (Julai - September)		Pemeriksaan Suku Keempat 2023 (Oktober-Disember)	
		Tarikh	Gred	Tarikh	Gred	Tarikh	Gred	Tarikh	Gred
1	Kafeteria Delima	2/2/2023	B	1/6/2023	B	5/10/2023	A	1/12/2023	A
2	Dapur Utama	17/2/2023	A	14/6/2023	A	27/9/2023	A	6/12/2023	A
3	Kafeteria KBM	31/1/2023	B	30/5/2023	B	5/10/2023	B	3/11/2023	B
4	Kafeteria Lobi Pelawat	31/1/2023	A	30/5/2023	B	29/9/2023	B	27/11/2023	B
5	Starbucks	2/2/2023	A	30/5/2023	A	29/9/2023	A	6/12/2023	A
6	Kiosk Grab & Go - Gloria Jean's Coffees	2/2/2023	A	30/5/2023	A	20/9/2023	A	17/11/2023	A
7	Kiosk Grab & Go - Makcik Café	2/2/2023	A	30/5/2023	B	21/9/2023	B	17/11/2023	A
8	Kiosk Grab & Go - Hot & Roll Lobi Pelawat	2/2/2023	A	30/5/2023	A	20/9/2023	A	17/11/2023	A
9	My News	2/2/2023	B	1/6/2023	B	21/9/2023	B	24/11/2023	A
10	Kiosk Grab & Go - Makcik Café L5	2/2/2023	A	29/5/2023	A	26/9/2023	A	14/11/2023	A
11	Kiosk Grab & Go - Saramoto	2/2/2023	A	2/6/2023	A	21/9/2023	A	20/11/2023	A
12	Kiosk Grab & Go - Dolcezza Coffee	2/2/2023	A	29/5/2023	B	26/9/2023	A	14/11/2023	A
13	Dapur Taska Permata Pintar	17/2/2023	A	19/6/2023	A	27/9/2023	A	1/12/2023	A




PEMERIKSAAN MESIN JUAL MAKANAN DAN MINUMAN DI HCTM TAHUN 2023

Nama Premis	Unit	Tarikh Pemeriksaan Pertama 2023 (Januari - Jun)	Tarikh Pemeriksaan Kedua 2023 (Julai- Disember)
RUMPUN BUDI MAJU ENTERPRISE	6	20/6/2023	29/11/2023
JUPITER ROBOTIC PLT	4	21/6/2023	22/11/2023
QL MAXINCOME SDN BHD	6	3/7/2023	20/11/2023
COFEEBOT HOLDINGS SDN BHD	5	4/7/2023	28/11/2023
	3	Beroperasi bermula September 2023	28/11/2023
MYSF LEGACY	6	20/7/2023	27/11/2023
HQSMART SDN BHD	6	12/7/2023	27/11/2023
AFA GEN RESOURCES	6	28/7/2023	23/11/2023
DVEND TECH SDN BHD	5	Beroperasi bermula September 2023	23/11/2023
UNCLEZAMBOX SDN BHD	2		28/11/2023
JV SMART VENDING SDN BHD	8		29/11/2023







Pemeriksaan Suku Pertama 2023 (Januari - Mac)



Pemeriksaan Suku Kedua 2023 (April - Jun)



Pemeriksaan Suku Ketiga 2023 (Julai - September)



Pemeriksaan Suku Keempat 2023 (Oktober - Disember)



Premis Gred A



Premis Gred B

57

unit mesin jual makanan dan minuman telah diperiksa sepanjang tahun 2023

0 7


PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL

K H A I R I Y A H M O H A M A D

Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia)

Pada tahun 2023, kerja-kerja pelupusan buangan terjadual (sisa kimia) di HCTM telah dilaksanakan sebanyak 3 kali iaitu pada bulan Mei, Ogos dan Disember. HCTM melalui sistem e-Peolehan telah melantik Syarikat Toxipac Services untuk melaksanakan kerja-kerja penaksiran, kutipan dan penghantaran sisa ke premis berlesen yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar.

Bil	Tarikh Pelupusan	Jenis Sisa	Kod Sisa	Kontraktor/Premis Pelupusan	Pembungkusan	Berat Sisa (Metrik Tan)
1	19/05/2023	Pelarut terpakai dari makmal bukan halogen	SW322	Rivaland Sdn. Bhd.	12 x 55 Gal. Drum	2.000
	24/05/2023	Bekas/botol yang tercemar bahan kimia makmal	SW409	Toxipac Services	Jumbo bag	0.300
	30/05/2023	Asid terpakai	SW206	TWT Solutions Sdn. Bhd.	3 x 44 Gal/ Drum	0.620
	30/05/2023	Pelarut terpakai dari makmal bukan halogen	SW322	TWT Solutions Sdn. Bhd.	3 x 44 Gal. Drum	0.481
2	11/8/2023	Asid terpakai	SW206	TWT Solutions Sdn. Bhd.	17 x 27 Gal/ Drum Plastic	0.646
	11/08/2023	Bekas/botol yang tercemar bahan kimia makmal	SW409	Famous Phase Sdn. Bhd.	6 x 55 Gal. Drum Steel	0.640
	11/08/2023	Pelarut terpakai dari makmal bukan halogen	SW322	Rivaland Sdn. Bhd.	7 x 55 Gal. Drum	1.260
3.	19/12/2023	Pelarut terpakai dari makmal bukan halogen	SW322	Rivaland Sdn. Bhd.	2 Tangki IBC	1.800
	19/12/2023	Pelarut halogen terpakai dari makmal	SW323	Rivaland Sdn. Bhd.	2 x 55 Gal. Drum	0.320
	19/12/2023	Asid terpakai	SW206	TWT Solutions Sdn. Bhd.	2 Jerrican/carboy	0.050
	20/12/2023	Bekas/botol yang tercemar bahan kimia makmal	SW409	Toxipac Services	2 Jumbo Bag	0.310



Pada tahun 2023, operasi perkhidmatan di HCTM telah menghasilkan sebanyak 5.541 metrik tan sisa pelarut bukan halogen terpakai yang dikategorikan di bawah kod SW 322. Buangan ini dijana oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik (JPMD).

Sisa terjadual yang paling sedikit dihasilkan pada tahun 2023 adalah dari kategori SW 323 iaitu buangan pelarut organik terhalogen (0.320 metrik tan).

RM
41,664

telah diperuntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja pembungkusan, persediaan, perawatan dan pelupusan buangan terjadual di HCTM bagi tahun 2023

PELAPORAN JAWATANKUASA
KESELAMATAN &
PERSEKITARAN (JKP) HCTM

W A N I R F A N I W A N M A H Y U D I N

JAWATANKUASA KESELAMATAN PERSEKITARAN HCTM



Pada tahun 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Bil.1/2023 bertarikh 30 Januari 2023 telah bersetuju JKKP HCTM dijenamakan sebagai Jawatankuasa Keselamatan Persekitaran (JKP) selaras dengan keperluan Standard 2 MSQH dan keperluan Akta Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan 1994 digabungkan.

Perubahan amat diperlukan dalam sesuatu organisasi bagi memastikan ianya berkembang dan kekal relevan dalam persekitaran semasa. Sehubungan itu, bagi memantapkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang menyeluruh, strategi penstrukturan keahlian perlu dilakukan dalam organisasi JKP.

Antaranya perubahan struktur organisasi adalah melibatkan pelantikan ahli-ahli yang mewakili jawatankuasa lain berkaitan KKP di bawah JKP iaitu Jawatankuasa Kod Kecemasan, Jawatankuasa Kecil Keganasan Pekerjaan dan Gangguan Seksual, Jawatankuasa Pemantauan Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jawatankuasa Perlindungan Sinaran dan Jawatankuasa Kecil Kimia.




Keahlian JKP HCTM adalah seramai 19 orang yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang Setiausaha, 9 orang wakil pengurusan dan 7 orang wakil pekerja. Prof. Dato' Razman Jarmin, Pengarah HCTM telah dilantik sebagai Pengerusi JKP HCTM.

UKKP merupakan urusetia JKP HCTM




STRUKTUR ORGANISASI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ



Diluluskan oleh : Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Persekitaran HCTM Bil.3/2023
Tarikh diluluskan : 13 Oktober 2023
Tarikh kuatkuasa : 13 Oktober 2023

Struktur Organisasi JKP HCTM



MESYUARAT JKP HCTM

Pada tahun 2023, JKP HCTM telah melaksanakan sebanyak 3 kali mesyuarat. Mesyuarat bilangan 4 yang dijadualkan pada bulan Disember 2023 terpaksa ditangguhkan kerana $\frac{1}{2}$ ahli kuorum mesyuarat tidak dapat hadir. Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat merangkumi memorandum pelaksanaan minit mesyuarat, pemberitahuan mengenai kemalangan, kejadian berbahaya dan penyakit pekerjaan (NADOPOD), pemeriksaan keselamatan dan kesihatan tempat kerja serta hal-hal lain berkaitan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Perincian pelaksanaan mesyuarat sepanjang tahun 2023 adalah seperti dinyatakan di dalam jadual dibawah:

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi/ Medium
1.	Mesyuarat JKPP Bil.1/2023	30 Januari 2023 (Isnin)	Bilik Mesyuarat Perpustakaan
2.	Mesyuarat JKPP Bil.2/2023	12 Mei 2023 (Rabu)	Bilik Mesyuarat Lembaga
3.	Mesyuarat JKPP Bil.3/2023	13 Oktober 2023 (Jumaat)	Bilik Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat	Hadir	Diwakili	Tidak Hadir (Dengan Kenyataan)	Tidak Hadir	Jumlah Ahli	Peratus Hadir
Mesyuarat Bil.1	13	2	4	0	19	79%
Mesyuarat Bil.2	15	1	3	0	19	84%
Mesyuarat Bil.3	17	1	1	0	19	95%
Mesyuarat Bil.4	17	0	2	0	19	89%

Statistik Korum Kehadiran Ahli Mesyuarat JKP HCTM 2023

Senarai Kehadiran Ahli Mesyuarat JKP HCTM 2023

Bil	Keahlian	Nama	Mesyuarat Bil.1/2023	Mesyuarat Bil.2/2023	Mesyuarat Bil.3/2023	Mesyuarat Bil.4/2023
1.	Pengerusi	Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin				
2.	Timbalan Pengerusi	Prof. Madya Dr. Hanita Othman				
3.	Setiausaha	Pn. Wan Irfani Wan Mahyudin				
4.	Wakil Pengurusan	Prof. Madya Dr. Jamari Sapuan				
5.		En. Mursidi Ahamad				
6.		En. Mohd Fahmeey Hashim				
7.		Pn. Wan Omi Wan Yussop				
8.		Dr. Khamsiah Nawawi				
9.		Dr. Sharifah Azura Salleh				
10.		Dr. Abdul Rashid Abdul Kader				
11.		Kapten (B) Hamon Rafiz Abd Hamed				
12.		Pn. Zuraidah Konil				
13.	Wakil Pekerja	Dr. Syahril Izhan Zainal Abidin				
14.		En. Hairol Azman Mohamad Yusop				
15.		Pn. S. Elavarasi Selvarajah				
16.		Pn. Stephanie Tan Wai Yee				
17.		En. Mohd Fazuddin Zakaria				
18.		Pn. Roslizaton Che Mamat				
19.		En. Mahadi Nawawi				

● Hadir

● Tidak Hadir (dengan kenyataan)

● Diwakili

AKTIVITI - AKTIVITI JKP SEPANJANG TAHUN 2023

**Pengukuhan & Pemantapan
Ahli JKPP HCTM**

**Pemantapan Penggunaan
Sistem Pengurusan Insiden
Bersepadu**

**Pengukuhan Aktiviti Kod -
Kod Kecemasan HCTM**

**Pelaksanaan Penaksiran
Risiko, Penilaian Risiko, &
Kawalan Risiko (HIRARC)
HCTM**

**Penganjuran Minggu
Keselamatan & Kesihatan
Pekerjaan HCTM**

**Audit Sistem Pengurusan
Keselamatan & Kesihatan
Tempat Kerja (OSHWA) oleh
JKPP Wilayah Persekutuan KL
& Putrajaya**

**Pemantapan Kompetensi &
Aktiviti Keselamatan Kimia**

**Pemantapan Kawalan
Keselamatan & Kualiti
Makanan**

**Pengukuhan & Pemantapan
Program Perlindungan
Sinaran**

**Pengukuhan Program
Kawalan & Pencegahan Kes
Kecederaan Tajam**

**Pelaksanaan Perkhidmatan
Klinik Kesihatan Pekerjaan**

**Kursus & Bengkel
Kesedaran**



**Sekitar Penganjuran
Minggu Keselamatan
& Kesihatan Pekerjaan
HCTM**



PEMERIKSAAN
KESELAMATAN &
KESIHATAN TEMPAT KERJA
(PKKTK)

9 . 1

AUDIT PKKTK 2023

W A N I R F A N I W A N M A H Y U D I N
K H A I R I Y A H M O H A M A D



AUDIT PEMERIKSAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA TAHUN 2023

Audit Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (PKKTK) adalah merupakan antara kaedah pemantauan bagi memastikan tahap pematuan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dapat ditingkatkan dan seterusnya mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan kondusif. Ianya dapat dilihat menerusi pematuan yang dilakukan sewaktu lawatan dijalankan

Pada tahun 2023, UKKP telah merancang dan melaksanakan Audit PKKTK bagi tempat kerja yang telah ditentukan.



**Lokasi tempat kerja
telah dilawati dan
diaudit pada tahun
2023**

Pematuhan
Perundangan KKP
& Polisi

Keselamatan
Umum

Keselamatan
Kebakaran

Keselamatan
Biologi

Keselamatan
Kimia

Keselamatan
Fizikal

Keselamatan
Sinaran

Keselamatan
Silinder Gas & Paip
Gas

Ergonomik

Keselamatan
Peralatan
Perubatan/
Biomedikal

Kelengkapan
Perlindungan Diri
(PPE)

Peralatan dan
Barang Makmal

Kebuk Wasap

*Safety Shower
/ Eye Wash*

Pengumpulan dan
Pelupusan Sisa
Berbahaya

**Kriteria Pemeriksaan Keselamatan
dan Kesihatan Tempat Kerja**

Bil.	Tarikh Audit Pemeriksaan	Lokasi Audit Pemeriksaan	Markah	Gred
1.	15.02.2023	Bahagian Kenderaan, KKL	72.84%	B
2.	09.03.2023	Pejabat Utama, Jabatan Fasiliti Bersepadu	79.07%	B
3.	11.04.2023	Unit Terapi Pertuturan, Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan	93.33%	A
4.	13.04.2023	Unit Angio Suite, Jabatan Radiologi	91.04%	A
5.	15.06.2023	Jabatan Multimedia dan Penyiaran	86.67%	A
6.	08.08.2020	Jabatan Kerja Sosial Perubatan	85.71%	A
7.	04.10.2023	Rumah Ronalds Mcdonald, Jabatan Fasiliti Bersepadu	69.23%	B

Senarai Lokasi Tempat Kerja Yang Diaudit Pada Tahun 2023

Berdasarkan pemerhatian dan penilaian yang dibuat, 4 (57.14%) tempat kerja berjaya mencapai tahap pematuhan keselamatan dan kesihatan tempat kerja pada tahap sangat memuaskan iaitu dengan memperoleh Gred A. Manakala 3 (42.86%) lagi tempat kerja yang telah diperiksa telah mencatat markah pada tahap memuaskan. Secara keseluruhannya, tiada tempat kerja yang menunjukkan tahap pematuhan tahap tidak memuaskan dan sangat tidak memuaskan iaitu Gred C dan D. Kesemua tempat yang telah dilawati telah dimaklumkan laporan penilaian dan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian



Sesi temubual bersama
wakil pemeriksaan

Sesi perbincangan bersama audit



Lawatan pemeriksaan
keselamatan dan kesihatan
tempat kerja

9 . 2

PKKTK KENDIRI

2023

W A N I R F A N I W A N M A H Y U D I N

Pelaksanaan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesehatan Tempat Kerja (PKKTK) Secara Kendiri HCTM Tahun 2023



Pada tahun 2023, pelaksanaan PKKTK secara sendiri telah dilakukan oleh Pegawai Insiden HCTM di 129 lokasi kerja masing-masing dalam tempoh setiap suku tahun.

**Pemeriksaan dilakukan menggunakan
borang secara atas talian yang boleh
dicapai melalui capaian
<https://tinyurl.com/PKKTKKendiri>.**

Berdasarkan analisa yang dibuat, sasaran bagi memastikan setiap tempat kerja menjalankan PKKTK sendiri adalah tercapai secara keseluruhannya. Statistik merekodkan peningkatan peratusan tahap pematuhan pelaksanaan PKKTK pada suku tahun kedua iaitu sebanyak 87.30% berbanding suku tahun sebelumnya iaitu sebanyak 77.78%. Seterusnya tahap pematuhan telah mencapai 100% pelaksanaan PKKTK sendiri pada suku tahun ketiga dan keempat.

PERKHIDMATAN	LOKASI KERJA	PKKTK BIL 1 (JAN - MAC)				PKKTK BIL 2 (APR - JUN)				PKKTK BIL 3 (JUL - SEPT)				PKKTK BIL 4 (OKT - NOV)			
		✓ PKKTK	%	X PKKTK	%	✓ PKKTK	%	X PKKTK	%	✓ PKKTK	%	X PKKTK	%	✓ PKKTK	%	X PKKTK	%
Jumlah	129	129	100%	0	0%	129	100%	0	0%	129	100%	0	0%	129	100%	0	0%
PERKHIDMATAN SURGERI	44	44	100%	0	0%	44	100%	0	0%	44	100%	0	0%	44	100%	0	0%
PERKHIDMATAN PERUBATAN	33	33	100%	0	0%	33	100%	0	0%	33	100%	0	0%	33	100%	0	0%
PERKHIDMATAN DIAGNOSTIK, FARMASI DAN SOKONGAN	26	26	100%	0	0%	26	100%	0	0%	26	100%	0	0%	26	100%	0	0%
PENTADBIRAN	15	15	100%	0	0%	15	100%	0	0%	15	100%	0	0%	15	100%	0	0%
KAMPUS KUALA LUMPUR	5	5	100%	0	0%	5	100%	0	0%	5	100%	0	0%	5	100%	0	0%
PUSAT KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN	6	6	100%	0	0%	6	100%	0	0%	6	100%	0	0%	6	100%	0	0%

Bilangan dan peratusan pelaksanaan PKKTK secara sendiri mengikut suku tahun 2023

Gred	BIL1/2022 (JAN - MAC)		BIL2/2022 (APR - JUN)		BIL3/2022 (JUL - SEPT)		BIL4/2022 (OKT - NOV)	
	Bil. Tempat kerja	%	Bil. Tempat kerja	%	Bil. Tempat kerja	%	Bil. Tempat kerja	%
A	122	96.06%	123	96.85%	116	92.06%	118	93.65%
B	5	3.94%	4	3.15%	3	2.38%	1	0.79%
C	0	0.00%	0	0.00%	0	0.00%	0	0.00%
D	0	0.00%	0	0.00%	0	0.00%	0	0.00%
Tidak Melaksanakan	0	0.00%	0	0.00%	10	7.94%	10	7.94%

Peratusan Pelaksanaan PKKTK secara sendiri mengikut gred daripada penyertaan

Bagi tahap pencapaian penilaian sendiri, statistik merekodkan sebanyak 96.06% memperoleh gred A, 3.94% memperoleh gred B. Trend peratusan memperoleh gred A kemudiannya meningkat kepada 96.85% pada suku tahun kedua diikuti dengan 3.15% memperoleh gred B.

Pada suku tahun ketiga peratusan tempat kerja yang memperoleh gred A bagi PKKTK secara sendiri adalah menurun sebanyak 4.79% manakala tempat kerja yang memperoleh gred B adalah sebanyak 2.38%. Penurunan pencapaian ini adalah kerana terdapat 10 (7.94%) tempat kerja yang gagal melaksanakan PKKTK sendiri.

Pencapaian PKKTK secara sendiri pada suku terakhir 2023 adalah sedikit meningkat iaitu 93.65% mendapat gred A dan 0.79% memperoleh gred B. Terdapat 10 tempat kerja yang tidak melaksanakan PKKTK sendiri pada suku tahun keempat ini. Berdasarkan rekod, tiada tempat kerja yang memperoleh gred C dan D sepanjang tahun 2023.

1 0

KLINIK KESIHATAN PEKERJAAN HCTM

D R . N O R A A I N I R A M L Y

KLINIK KESIHATAN PEKERJAAN



Klinik Kesihatan Pekerja (Klinik OH) HCTM ditubuhkan untuk memastikan peruntukan undang-undang dipenuhi dan secara tidak langsung memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja secara amnya. Ia juga ditubuhkan selari dengan keperluan program akreditasi Malaysian Society for Quality in Health (MSQH).

**UKKP telah memulakan
perkhidmatan Klinik
Kesihatan Pekerja
bermula dari 1 November
2023.**



Jadual di bawah merupakan jumlah vaksin yang telah diberikan kepada kakitangan HCTM di sepanjang bulan November dan Disember 2023.

<u>Bulan</u>	<u>Jenis Vaksin</u>				<u>Jumlah</u>
	Influenza	Pneumococcal	Meningococcal	Hepatitis B	
November	12	6	6	11	35
Disember	7	5	5	3	20
<u>Jumlah</u>	19	11	11	14	55

Seramai 3 orang kakitangan telah menghadiri Klinik OH untuk aktiviti Pra-Penempatan.

Pihak UKKP mempunyai beberapa perancangan pada masa akan datang untuk memanjangkan perkhidmatan yang merangkumi Hearing Conservation Programme dan perkhidmatan kesihatan mental pekerja.

1 1

GALERI 2023

U K K P



KURSUS PENGENALPASTIAN HAZARD, PENAKSIRAN RISIKO & KAWALAN RISIKO (HIRARC)

10 & 11 JANUARI 2023





KURSUS PENGURUSAN & PENGENDALIAN BUANGAN TERJADUAL (SISA KIMIA) HCTM 2023

8 MAC 2023





BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMEN HIRARC JABATAN

3, 9 & 30 OGOS 2023





BENGKEL KESELAMATAN KIMIA 2023

7 OGOS 2023





PERASMIAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN HCTM 2023 21 OGOS 2023





PAMERAN MINGGU KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN HCTM 21 - 23 OGOS 2023





CERAMAH PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL KAKITANGAN 22 OGOS 2023





CERAMAH PERSEKITARAN HCTM SIHAT TANPA ROKOK 22 OGOS 2023





CERAMAH PEMERKASAAN BUDAYA TEMPAT KERJA SELAMAT & SIHAT: PENGURUSAN ERGONOMIK DI SEKTOR KESIHATAN 24 OGOS 2023





CERAMAH RISIKO PENDEDAHAN BUNYI BISING DAN PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PENDEDAHAN BISING) 2019 24 OGOS 2023





PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT ZUMBA

25 OGOS 2023





LAWATAN POST-AUDIT KE STOR BAHAN MUDAH TERBAKAR FARMASI UTAMA 13 SEPTEMBER 2023





AUDIT OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH WORKPLACE ASSESSMENT (OSHWA) OLEH JKKPWPKLP 31 OKTOBER 2023





MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN & PERSEKITARAN (JKP) HCTM 2023





AKTIVITI PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL (SISA KIMIA) HCTM





SIASATAN INSIDEN KEMALANGAN TEMPAT KERJA DI HCTM



S E K I A N

T A M A T

